

30/07/1998

KIK: Wisma Putra keluar kenyataan rasmi

KUALA LUMPUR, Rabu - Wisma Putra akan mengeluarkan kenyataan rasmi berhubung isu pemindahan operasi kastam, imigresen dan kuarantin (KIK) Malaysia di Tanjong Pagar, Singapura, dalam tempoh beberapa hari lagi.

Setiausaha Bahagian Asia Tenggara, Mohd Arshad Mohd Hussin, berkata buat masa ini, pihaknya enggan membuat ulasan berhubung isu operasi KIK di Tanjong Pagar yang menjadi perbalahan.

"Kita akan mengeluarkan kenyataan dalam tempoh beberapa hari lagi," katanya ketika dihubungi, di sini, hari ini.

Kelmarin, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menegaskan Malaysia tidak akan memindahkan KIKnya ke Woodlands seperti yang dikehendaki kerajaan Singapura.

Dr Mahathir berkata, Malaysia tidak akan memindahkan pusat pemeriksaan KIK dari Tanjong Pagar ke Woodlands kerana Malaysia merujuk perkataan dalam perjanjian dalam Perkara-Perkara Yang Dipersetujui (POA) pada 1990.

(END)